

Wujud tekanan salah laku integriti

SHAH ALAM: Tekanan daripada rakan sekerja dalam jabatan atau agensi di negeri ini berhubung salah laku integriti didakwa wujud berdasarkan laporan balas diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, maklumat tersebut diterima selepas kerajaan negeri melaksanakan arahan dalam Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2013 yang memerlukan laporan pengurusan integriti diserahkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan ketua jabatan.

Menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mohd. Shafie Ngah (PN) pada Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor semalam, beliau berkata, pada 2018 hingga 2022 sebanyak 314 kes rasuah dilaporkan melibatkan kakitangan awam.

Menurutnya, berdasarkan pekeliling sama, laporan pengurusan integriti tidak terhad kepada suatu ketua jabatan semata-mata sebaliknya boleh dihantar kepada KSU dan juga Bahagian Pengurusan Integriti Agensi SPRM.